

# Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu (PEKEBAYU) 2005

Oleh Zaiton Nasir

**W**ALAUPIUN negara sudah hampir 50 tahun merdeka, namun isu berkaitan bahasa Kebangsaan terus dibangkitkan. Persoalannya mampukah penggunaan dan kedudukan bahasa Melayu terus kekal atau berkembang dalam kalangan masyarakat kita seiring dengan pembangunan negara? Adakah perlembagaan dan akta yang sedia ada mampu mengekal dan meningkatkan statusnya dalam jangka panjang seterusnya menjadi warisan negara untuk generasi akan datang? Persoalan dan gegusaran ini dibangkitkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu 2005 (PEKEBAYU) yang berlangsung selama tiga hari pada 6 hingga 8 September lalu di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menurut beliau lagi, hakikatnya kini ba-

hasa Melayu semakin terpinggir dalam arus pembangunan dan kemajuan teknologi, bukan setakat dalam bidang industri dan pendidikan sahaja, malah dari segi sosial dan juga masyarakat. Hal ini lebih ketara jika ditinjau menerusi media massa dan ketika berurusan dengan pihak-pihak swasta serta awam. Sungguhpun tahap penguasaan bahasa Melayu kian meningkat, namun penggunaannya menduduki tempat kedua selepas bahasa Inggeris.

Sementara itu, Dato' Hassan Ahmad, mantan Ketua Pengarah DBP menekankan bahawa "kita perlu menguasai bahasa Inggeris asalkan kita tidak membiarkan bahasa Inggeris mengambil alih bahasa kebangsaan sebagai alat pendidikan bangsa dan urusan rasmi kerajaan kita". Persidangan anjuran Jawatankuasa Penataran bahasa Melayu (PENABAYU) UKM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka ini bertemakan Bahasa Melayu Wahana Pembangunan.



RASMI: Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim ketika menyampaikan amanatnya.

## HATI-HATI MEMILIH

# Meminjam Biar Berpada-pada...

**K**ALAU diperhatikan, pengaruh asing kian mempengaruhi perbendaharaan kata kita. Perlahan-lahan kata-kata asing yang kononnya lebih mudah disebut sudah mengambil alih penggunaan kata-kata Melayu yang indah bunyinya. Contoh yang terbaharu ialah kata bajet, walhal kita mempunyai kata sendiri iaitu belanjawan. Dari kata akarnya belanja, berbagai-bagai kata terbitan yang terbit dari kata tersebut seperti berbelanja, membelanjakan, perbelanjaan dan belanjawan, yang memberikan perbezaan makna yang jelas. Andainya dahulu, perkataan "bajet" hanya disebut dalam situasi tidak rasmi ketika umum memperkatakan pemben-

tangan belanjawan oleh Menteri Kewangan setiap tahun, tetapi kini 'bajet' telah menjadi istilah khusus menggantikan perkataan Melayu belanjawan.

Kalau ini terus berlaku, maka tak hairanlah jika suatu hari nanti, kata-kata asing akan terus menguasai perbendaharaan kata bahkan minda kita.

Sememangnya setiap bahasa yang berkembang maju itu mengalami banyak perubahan kerana banyak berlaku proses peminjaman kosa kata daripada kata asing. Bahasa Inggeris sendiri banyak meminjam kata-kata asing tetapi tidaklah sampai melenyapkan perbendaharaan kata mereka. Bahasa Me-

layu sewajarnya meminjam bahasa asing bagi kata-kata yang sememangnya tidak ada dalam bahasa Melayu sahaja seperti "komputer", "siber", "radio", "telefon", "televi-syen" dan sebagainya kerana kata-kata tersebut memang tidak wujud di alam Melayu selama ini. Mungkin kita harus bertanya, wajarkah kita mengutamakan kata-kata pinjaman sedangkan kita ada bahasa sendiri seperti asosiasi (perkaitan); definisi (takrif, huraian); nasionalisme (semangat kebangsaan); konklusi (rumusan); polisi (dasar); diet (pemakanan); drastik (mendadak); kualiti (mutu) dan berbagai-bagai lagi kata pinjaman, yang jika dibiarkan bukan sahaja akan

melenyapkan perbendaharaan kata Melayu yang indah, tetapi juga akan melenyapkan jati diri kita.

Sewajarnya sebarang perubahan yang kita bawa janganlah sampai menidakkan kemampuan bahasa kita untuk terus berkembang seiring dengan kemajuan. Apa yang membimbangkan kehairahan kita mengutamakan bahasa asing akan menidakkan anak cucu kita daripada mewarisi khazanah budaya bangsa yang tidak ternilai harganya. Oleh itu, kalau meminjam biar berpada-pada, mufis jangan sekali-kali.

mashitah@dbp.gov.my

## PEDOMAN BAHASA

# Pengguguran dan Penggunaan Tanda Sempang (-)

### Pengguguran Tanda Sempang (-)

**D**alam sistem ejaan lama, tanda sempang (-) digunakan pada:

- kata awalan *di-* (di-makan, di-tulis, di-pukul)
- kata awalan *sa-* (sa-bagaimana, sa-belas, sa-orang)
- kata depan atau sendi nama *di-* (di-bawah, di-dalam, di-Seremban)
- kata depan atau sendi nama *ka-* (ka-dalam, ka-Selatan, ka-pejabat)
- kata partikel *-lah*, *-kah*, *-tah* (ada-lah, apa-kah, bila-tah)

Dalam *Sistem Ejaan Rumi Baharu*, semua tanda sempang (-) di atas digugurkan. Kata sendi nama *di-* hanya dieja terpisah dengan kata nama yang mengikutinya seperti di Kampar, di bawah, di atas, di luar, di Ipoh dan di Utara.

Kata sendi nama *ka-* bertukar menjadi *ke-* dan dieja terpisah dengan kata nama yang mengikutinya, seperti "ke Melaka" dan "ke Timur". Manakala, awalan *di-* pula, dieja bercantum dengan kata kerja yang mengikutinya seperti dalam perkataan dimakan, disiram, ditimbang dan dirampas.

Dalam *Sistem Ejaan Rumi Baharu*, awalan *sa-* juga diubah menjadi *se-* seperti dalam

perkataan sebagaimana, sebelas, seorang, sepurnama dan seumpamanya. Manakala partikel *-kah*, *-lah* dan *-tah* dieja bercantum seperti dalam perkataan adalah, apakah dan apatah.

### Penggunaan Tanda Sempang (-) dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu

Dalam *Sistem Ejaan Rumi Baharu*, tanda sempang digunakan untuk:

- Menulis kata yang membawa maksud jamak bagi menggantikan angka 2 (anak2) dalam ejaan lama. Contohnya: anak-anak, buku-buku, pokok-pokok, guru-guru, pegawai-pegawai
- Menulis pelbagai bentuk kata ulang atau kata ganda yang membawa pelbagai maksud. Contohnya: baik-baik, cantik-cantik, rajin-rajin, tunggang-langgang, lintang-pukang, hingar-bingar, lemah-lembut, tari-menari, terlompat-lompat, berbual-bual, menarik-narik
- Merangkaikan bentuk terikat yang diikuti oleh kata nama khas yang bermula dengan huruf besar. Contohnya: anti-Rusia pan-Africanisme

pro-Malaysia  
iv. Merangkaikan awalan *se-* yang diikuti oleh kata nama khas yang bermula dengan huruf besar. Contohnya:

- se-Nusantara
- se-Malaysia (Persatuan Pelajar Melayu Se-Malaysia)
- se-Tanah Melayu (Parti Islam Se-Tanah Melayu)
- v. Mengeja kata ganti singkat, *-mu*, dan *-nya* bagi nama Tuhan. Contohnya: hamba-Mu, keampunan-Mu, rahmat-Nya, petunjuk-Nya
- vi. Merangkaikan kata sendi *ke-* dengan angka. Contohnya: ke-10 (kesepuluh) ke-100 (kiseratus) ke-2,000 (kedua ribu)
- vii. Merangkaikan angka yang menunjukkan tahun dengan akhiran *-an*. Contohnya: Angkatan 50-an (tahun lima puluhan) tahun 70-an (tahun tujuh puluhan)
- viii. Menyambungkan suku kata yang dipisahkan oleh penggantian baris. Contohnya: ...melanjutkan tempoh pemyaran saman ...menangguhkan penyelenggaraan projek

## PERIBAHASA

# Kalau Tak Dipecahkan Ruyung Manakan Dapat Sagunya

**W**UJUDNYA sesuatu peribahasa dalam kalangan masyarakat antarabangsa umumnya dan masyarakat Melayu khususnya banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan pengalaman hidup yang dilalui dari generasi ke generasi. Antara unsur yang menjadi bahan untuk mengungkapkan peribahasa, termasuklah jenis makanan. Sagu yang merupakan makanan asasi dalam kalangan masyarakat Melayu lama telah menghasilkan peribahasa "Kalau Tak Dipecahkan Ruyung Manakan Dapat Sagunya" atau "Jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh dapat sagunya". Untuk mendapatkan rezeki, sagu dari dalam batang pohon enau haruslah dikeluarkan. Demikianlah maksud peribahasa ini, iaitu tidak akan tercapai hajat, jika tidak mahu berusaha dan bersusah payah. Maksud peribahasa ini sama juga dengan peribahasa "Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang". Maksud yang sama juga wujud dalam peribahasa Inggeris, *you can't make omelette without breaking eggs*.

masitah@dbp.gov.my